**SENARAI SEMAK BAGI URUSAN KEMASUKAN KAVEAT PERSENDIRIAN ATAS TANAH/PETAK/BAHAGIAN TIDAK DIPECAHKAN/KEPENTINGAN (BORANG 19B) SEKSYEN 323**

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Semak nombor perserahan / tarikh / masa perserahan yang dicatatkan di dalam Borang 19B dengan resit pembayaran. | Kod e-Tanah:<br><br>KVST<br>KVSPT<br>KVSS<br>KSSK | |
| 2. | Semak bayaran-bayaran berikut :<br><br>2.1 Bayaran pendaftaran seperti yang ditetapkan dibawah Perenggan 44, Kaedah-kaedah Tanah Negeri 2005<br><br>2.2 Bayaran serahan semula selepas penolakan Permohonan kemasukan kaveat | <br><br>Seksyen 323 (3) (a) KTN<br><br><br>Arahan PTG 2/2015 | |
| 3. | Bentuk dan kandungan Borang 19B hendaklah mengikut format yang telah diwartakan | | |
| 4. | Pemohon yang boleh membuat permohonan adalah seperti berikut:<br><br>1. orang atau badan yang menuntut hakmilik,<br>2. orang atau badan yang menuntut kepentingan boleh daftar,<br>3. orang atau badan yang menuntut di bawah satu amanah sebagai benefisiari melibatkan tanah atau kepentingan<br>4. penjaga atau wakil mana-mana minor yang menuntut sebagai berhak di bawah mana-mana amanah | Seksyen 323 (1) KTN | |
| 5. | Penyaksian tandatangan / cap jari di dalam Borang 19B<br><br>1. Penyempurnaan oleh individu hendaklah diakusaksi oleh pegawai yang tersenarai di dalam Jadual Kelima KTN<br><br>2. Pegawai yang menyaksikan pelaksanaan Borang | Seksyen 211 KTN | |

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| | 19B hendaklah menandatangan ayat penyaksian<br><br>3. Pegawai penyaksi hendaklah meletakkan tarikh penyaksian<br><br>4. Jika mempunyai meterai jawatan hendaklah mengesahkan tandatangannya pada meterai itu | | |
| 6. | Permohonan tersebut ada menyatakan asas tuntutannya. | Seksyen 323 (2) KTN | |
| 7. | Permohonan tersebut hendaklah dengan jelas samada kaveat tersebut mengikat tanah atau kepentingan. | Seksyen 323 (2)KTN | |
| 8. | Permohonan ini hendaklah disertakan dengan:<br><br>1. alasan tuntutan di dalam Borang 19B yang disahkan dengan akuan berkanun oleh pemohon atau peguambela/peguamcara pemohon.<br><br>2. sekiranya kaveat tersebut melibatkan sebahagian daripada tanah, pelan atau deskripsi yang cukup untuk identifikasi.<br><br>3. sekiranya kaveat tersebut melibatkan sebahagian daripada bahagian tidak dipecahkan, deskripsi yang cukup untuk identifikasi. | Seksyen 323 (3) KTN | |
| 9. | Bentuk dan kandungan Borang 19B hendaklah mengikut format yang telah diwartakan. | | |
| | Alasan yang dikemukakan hendaklah berlainan dengan alasan kaveat yang telah dibatalkan oleh Pendaftar atau Mahkamah. | Seksyen 329 KTN | |
| 10. | Pelaksanaan Borang 19B:<br><br>**1. Individu**<br><br>Nama pemohon hendaklah sama dengan kad pengenalan.<br><br>**2. Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965** | Seksyen 436A KTN | |

DIGP

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| | a. Dilaksanakan dengan cara yang dibenarkan oleh perlembagaannya dengan membuat rujukan kepada Memorandum dan Article of Association<br><br>b. Mengandungi cop mohor perbadanan<br><br>c. Terdapat satu pernyataan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau pegawai tetap DAN salah seorang Lembaga Pengarah yang menyatakan bahawa meterai itu diturunkan di hadapan mereka.<br><br>d. Dokumen rujukan yang diperlukan adalah :<br><br>i. Memorandum and Article of Association untuk melihat samada Sesuatu syarikat tersebut boleh memiliki aset tak alih dan mengenalpasti cara pelaksanaan yang dibenarkan oleh perlembagaan<br><br>DAN<br><br>ii. Borang 24 – Return of Allotment of Share untuk melihat pemegang syer Syarikat di dalam menentukan syarikat tersebut adalah syarikat asing yang didefinisikan di bawah seksyen 433A KTN<br><br>iii. Borang 49 untuk menyemak nama Lembaga Pengarah / Setiausaha yang Berdaftar<br><br>ATAU<br><br>Para ii hingga iii boleh digantikan dengan Carian Syarikat yang | | |

PTGPP

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| | dikeluarkan oleh SSM<br><br>DAN<br><br>iv. Resolusi syarikat yang mengesahkan gadaian dibenarkan untuk dilaksanakan.<br><br>e. Nama syarikat di dalam cop mohor adalah sama dengan nama di dalam Borang 19B<br><br>**3. Pertubuhan / Perbadanan Persekutuan atau Negeri / Syarikat Kerjasama**<br><br>a) Undang-undang tubuh hendaklah disertakan untuk menyemak pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan Borang 19B.<br><br>**4. Pelaksanaan oleh pemegang surat kuasa wakil**<br><br>a) Membuat nota kewujudan salinan surat kuasa wakil di dalam Borang 19B<br><br>b) Bayaran fee bagi nota nota kewujudan salinan surat kuasa wakil | | |
| 11. | Salinan kad pengenalan pemohon hendaklah disertakan | | |
| 12. | Butir-butir tanah / bahagian tidak dipecahkan / pajakan yang dimasukkan di dalam Jadual Tanah / Kepentingan hendaklah sama dengan DHDK versi yang terkini. | | |
| 13. | Salinan dokumen sokongan terhadap permohonan seperti Perjanjian Jual Beli, Perintah Mahkamah dan lain-lain. | | |

DTGDP